

**SULIT**

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA  
BAHASA MELAYU  
Kertas 2  
Peraturan Pemarkahan**

**1103/2(PP)**

**PANDUAN PEMARKAHAN  
MODUL PENGESANAN III SPM  
TAHUN 2020  
TINGKATAN LIMA**

---

**BAHASA MELAYU**

**KERTAS 2**

**Dua Jam 30 Minit**

---

**UNTUK KEGUNAAN GURU SAHAJA**

**Markah penuh : 110 markah**

**Soalan 1**

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

(a) Isi - 20 markah

(b) Bahasa - 10 markah

(a) Isi [20 markah]

Nota :

(i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan

- Nama khas
- Perkataan berganda
- Penggunaan kata sendi *di* dan *ke*
- Tarikh
- Angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- Gelaran

(ii) Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja sebelum diperiksa.

(iii) Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja, yang selebihnya tidak perlu diperiksa.

(iv) Beri markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

<b>Bahagian</b>	<b>Markah</b>	<b>Markah Maksimum</b>									
(i) Pendahuluan		<b>2</b>									
(ii) Isi Tersurat	<table border="1"><tr><td>4</td><td>5</td><td>6</td><td>7</td><td>8</td><td>9</td><td>10</td><td>11</td><td>12</td></tr></table>	4	5	6	7	8	9	10	11	12	<b>16</b>
4	5	6	7	8	9	10	11	12			
(iii) Isi Tersirat	<table border="1"><tr><td>12</td><td>11</td><td>10</td><td>9</td><td>8</td><td>7</td><td>6</td><td>5</td><td>4</td></tr></table>	12	11	10	9	8	7	6	5	4	
12	11	10	9	8	7	6	5	4			
(iv) Penutup / Kesimpulan		<b>2</b>									
	<b>Jumlah Markah</b>	<b>20</b>									

## **PENDAHULUAN [2 markah]**

P1	Petikan/Rumusan membincangkan kesan/keburukan ketagihan peranti elektronik dalam kalangan remaja dan cabaran dalam menanganinya.	2
P2	Petikan membincangkan kesan/keburukan ketagihan peranti elektronik dalam kalangan remaja di Malaysia/di negara kita.	2
P3	Petikan/ Rumusan membincangkan kesan/keburukan ketagihan peranti elektronik dalam kalangan remaja.	1
P5	Petikan/ Rumusan membincangkan impak ketagihan peranti elektronik dalam kalangan remaja dan cabaran untuk menanganinya.	0

## **ISI TERSURAT: (4 hingga 12 markah)**

S1	Pembaziran masa yang kritikal.	2
S2	Masalah kesihatan seperti obesiti.	2
S3	Kekurangan kemahiran bersosial.	2
S4	Berkemungkinan menyebabkan tingkah laku ganas, tekanan, kemurungan dan kecelaruan identiti.	2
S5	Menjejaskan penglihatan mereka dan menyebabkan mata menjadi rabun.	2
S6	Menyebabkan kesakitan pada tulang belakang dan meningkatkan risiko bongkok pada usia muda.	2
S8	Mengurangkan tumpuan mereka terhadap pelajaran atau tugas yang diberikan,	2
S9	Menjadi lebih pendiam, kurang sabar, tidak mempunyai teman rapat dan penguasaan bahasa yang tidak berkembang.	2
S10	Mengganggu perkembangan emosi dan kerohanian para remaja.	2

## **ISI TERSIRAT (4 hingga 12 markah)**

T1	Ibu bapa lebih mementingkan kerjaya berbanding memantau penggunaan peranti elektronik dalam kalangan anak-anak.
T2	Minat yang mendalam dalam kalangan remaja terhadap peranti elektronik.
T3	Penggunaan peranti elektronik sudah menjadi budaya masyarakat moden.
T4	Perkembangan kafe siber/kafe Internet bagi cendawan tumbuh selepas hujan.
T5	Sesetengah ibu bapa menyediakan kemudahan peranti elektronik kepada anak-anak.

**(Isi-isi lain yang sesuai boleh diterima)**

## KESIMPULAN [2 markah]

- K1 - Kesimpulannya, ketagihan peranti elektronik dalam kalangan remaja perlu diberikan Perhatian oleh semua pihak agar dapat melahirkan golongan remaja yang berkualiti. 2
- K2 - Kesimpulannya, ketagihan peranti elektronik dalam kalangan remaja perlu diberikan Perhatian oleh semua pihak terutamanya ibu bapa. 1

(Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

## (b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk pada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual yang berikut :

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Kriteria
Baik	18 – 20 15 – 17	9 – 10 7 – 8	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kesenambungan isi baik</li><li>• Struktur ayat/tatabahasa baik</li><li>• Kosa kata luas</li><li>• Tanda baca/ejaan betul</li></ul>
Sederhana	12 – 14 8 – 11	6 – 7 4 – 5	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kesenambungan isi masih baik</li><li>• Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan</li><li>• Kosa kata masih memuaskan</li><li>• Tanda baca/ejaan juga memuaskan</li></ul>
Lemah	1 – 7	1 – 4	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/ tidak memuaskan</li></ul>

Nota :

- (i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan **kurang daripada 120** patah perkataan, berikan **0 markah** (bahasa)
- (iv) Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, markah tidak dipotong.

[Maksimum : 10 markah]

## Soalan 2

Markah penuh **35** markah dibahagi kepada :

Soalan 2 (a) : **9** markah

Soalan 2 (b) : **9** markah

Soalan 2 (c) : **8** markah

Soalan 2 (d) : **9** markah

### Perhatian bagi soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/sepurna.
3. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

### Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

#### 1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan tepat tetapi ayat tidak gramatis	1
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup tetapi ayat gramatis	
- Jawapan tidak tepat /salah	0

#### 2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat gramatis	
- Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul / tidak relevan dengan tugas dan ayat gramatis	0

#### 3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat gramatis	2
- Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul / tidak relevan dengan tugas dan ayat gramatis	0

**Soalan 2(a) : Petikan Umum**

**(i) Maksud perkembangan emosi**

- Pertumbuhan jiwa/keperibadian 2
- Pertumbuhan emosi 1
- Perkembangan emosi 1

**[Maksimum : 2 markah]  
[Isi cukup : 2 isi]**

**(ii) Kesilapan-kesilapan**

**P1** kebebasan dan keterbukaan ibu bapa melengkapkan anak remaja dengan peralatan elektronik.

**P2** Segelintir ibu bapa pada masa ini mudah meletakkan sepenuh kepercayaan kepada peranti elektronik untuk anak-anak remaja mereka sebagai 'penjaga' pada waktu mereka sibuk di luar rumah.

**[ Maksimum : 3 markah]  
[Isi cukup : 2 isi]**

**(iii) Peranan ibu bapa**

**P1** Menjadi suri teladan dalam penggunaan peranti elektronik.

**P2** Mendidik anak-anak bersosialisasi dengan rakan sebaya.

**P3** Ibu bapa menyediakan aktiviti menarik yang lain kepada anaka-anak.

**P5** Ibu bapa jangan membelikan gajet untuk anak-anak pada peringkat awal,

**(Isi-isi lain yang sesuai boleh diterima)**

**[ Maksimum : 4 markah]  
[Isi cukup : 3 isi]**

**Soalan 2 (b) : Petikan Prosa Moden**

- (i) Reaksi Mel apabila sesi meroboh perkampungan pinggir kota yang merupakan tempat tinggal Munsyi bermula;

- P1 Terkedu melihat puluhan buku ranap dan berkecai bersama-sama ranapnya rumah Munsyi dihentam taring-taring tajam jentera berat yang melanggar dan meredah apa-apa sahaja.
- P2 Air matanya menitis sedih dan pilu mengenangkan khazanah berharga yang musnah.
- P3 Membayangkan satu-satunya tanah rizab milik bangsa di kota besar itu akan berpindah kepada tuan-tuan saudagar asing yang bakal mengaut keuntungan di bumi ini.

**[Maksimum: 2 markah]**  
**[Isi cukup: 2 isi]**

- (ii) Perkara yang terjadi kepada pejuang bahasa ibunda (Munsyi) tersebut;

- P1 Telah meninggal dunia.
- P2 berpindah ke rumah yang lain.
- P3 Menumpang di rumah keluarga atau saudara mara.
- P4 Berada di hospital / mengalami masalah kesihatan

**(Jawapan lain yang sesuai boleh diterima)**

**[Maksimum : 3 markah]**  
**[Isi cukup: 2 isi]**

- (iii) **Latar masyarakat dalam petikan;**

- P1 Masyarakat yang berani mempertahankan hak sendiri.  
Penduduk di perkampungan pinggir kota melakukan demonstrasi untuk membantah pencerobohan. **(1+1)**
- P2 Masyarakat yang mementingkan keuntungan  
Syarikat perumahan ingin mengambil alih satu-satunya tanah rizab milik bangsa Melayu untuk membina pelbagai bangunan mewah serta hotel bertaraf lima bintang **(1+1)**

**Latar masyarakat dalam keseluruhan cerpen;**

- P1 Masyarakat yang tidak mudah putus asa apabila menemui kegagalan  
Mel meminta izin ibunya sekali lagi apabila sudah lebih bersedia untuk tinggal di kota walaupun hasratnya itu pernah ditolak oleh ibunya. **(1+1)**
- P2 Masyarakat yang taat terhadap ibu bapa.  
Mel taat akan nasihat ibunya yang tidak membenarkannya berhijrah ke bandar kerana pada pendapat ibunya dia masih belum cukup kuat jati diri untuk tinggal di bandar **(1+1)**
- P3 Masyarakat yang amanah.  
Mel berusaha untuk menunaikan amanah yang diberikan oleh ibunya iaitu menyerahkan naskhah-naskhah kitab lama kepada Munsyi **(1+1)**

**[4 markah]**  
**[Isi cukup: 2 isi]**

**Soalan 2 (c) : Petikan Prosa Tradisional**

(i) Maksud rangkai kata *maka demikian fiil tuan*;

- begitu kelakuan / perangai Tun Perak

**[Maksimum: 2 markah]**

(ii) Respons Tun Perak terhadap pertanyaan Seri Amerta berkaitan orang Kelang yang membawa anak isteri bersama-sama ke Melaka;

- P1 Menasihati Tun Perak agar menjaga pedangnya dengan baik agar tidak berkarat
- P2 Tugas menjaga /memelihara keamanan negara tidak diketahui oleh orang lain
- P3 Orang Klang diminta membawa isteri dan anak-anak supaya mereka berperang dengan bersungguh-sungguh.

**[Maksimum : 3 markah]**

**[Isi cukup: 2 isi]**

(iii) Peranan dan tanggungjawab setiap ahli keluarga dalam usaha membentuk keluarga yang bahagia;

- P1 Ibu bapa mestilah memberikan didikan agama dan moral sejak kecil lagi
- P2 Ibu bapa dan anak-anak perlulah meluangkan masa bersama-sama
- P3 Anak-anak yang sudah dewasa bolehlah membantu meringankan beban ibu bapa
- P4 Ibu bapa hendaklah mencurahkan kasih sayang, belas kasihan dan kesanggupan untuk berkorban
- P5 Datuk dan nenek haruslah memberikan nasihat dan pengajaran
- P6 Ahli keluarga berkongsi masalah yang dihadapi dan cuba mencari jalan penyelesaian dengan cara berbincang secara baik

**[Maksimum : 3 markah]**

**[Isi cukup: 2 isi]**



**Soalan 2 (d): Petikan Puisi**

(i) Maksud rangkap kedua:

- telinga perlu dijauhkan daripada mendengar segala hasutan dan kejian

**[Maksimum : 2 markah]**

(ii) Tindakan yang akan diambil:

P1 Bertanya kepada badan yang bertanggungjawab

P2 Menyiasat kesahihan berita tersebut daripada pelbagai sumber

P3 Melaporkan berita kepada pihak berkuasa untuk tindakan selanjutnya

P4 Mengabaikan berita tersebut

**(Jawapan lain yang sesuai boleh diterima)**

**[Maksimum : 3 markah]**

**[Isi cukup : 2]**

(iii) Pengajaran

P1 Kita hendaklah menjaga penglihatan **(1+1)**

Contoh, menjaga penglihatan kita agar tidak menimbulkan keinginan yang tidak baik

P2 Kita mestilah memelihara pendengaran **(1+1)**

Contoh, memelihara pendengaran kita agar tidak mendengar berita yang tidak sah

P3 Kita haruslah menjaga anggota kaki **(1+1)**

Contoh, menjaga anggota kaki agar tidak menjejaki tempat yang tidak berfaedah

**(Jawapan lain yang sesuai boleh diterima)**

**[Maksimum : 4 markah]**

**[Isi cukup : 2 isi]**

### Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

Markah penuh **30** markah dibahagikan kepada:

Soalan 3(a) : **6**markah

Soalan 3(b) : **6**markah

Soalan 3(c) : **6**markah

Soalan 3(d) : **6**markah

Soalan 3(e) : **6** markah

#### Perhatian bagi soalan 3 (a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak 1 markah daripada kesalahan ejaan/ jalan bahasa/ tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai kata nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambah imbuhan, berikan 0 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak  $\frac{1}{2}$  markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, berikan  $\frac{1}{2}$  markah bagi setiap ayat.

#### Jawapan 3 (a)

Penjodoh bilangan	Penggunaan
(i) hiris	Digunakan untuk benda-benda yang dipotong tipis-tipis seperti daging, bawang dan sebagainya.
(ii) rawan	Digunakan untuk kancing baju dan untuk benda yang labuh seperti jala.
(iii) urat	Digunakan untuk benda-benda yang panjang dan halus seperti benang dan rotan.
(iv) buku	Digunakan untuk benda-benda yang berbongkah seperti sabun , roti dan sebagainya.
(v) papan	Digunakan untuk benda-benda yang berkeping-keping seperti petai , mercun dan sebagainya.
(vi) bidang	Digunakan untuk benda-benda yang luas seperti tanah, tikar ,layar dan sebagainya

### **Jawapan 3 (b)**

#### **Ayat tanya**

- (i) Siapakah pengasas produk kecantikan yang terkenal itu?
- (ii) Bagaimanakah Puan Emi dan anak-anaknya datang ke Kuantan?
- (iii) Dimanakah Pertandingan akhir Tokoh NILAM Bahasa Melayu?
- (iv) Berapakah bilangan murid yang hadir ke kelas tambahan Bahasa Melayu pada hari isnin?
- (v) Mengapakah Guru memarahi Laila?
- (vi) Bilakah Perkahwinan Puan Juliza dengan pasangannya akan dilangsungkan?

### **Jawapan 3(c)**

#### **Kesalahan ejaan dan kesalahan imbuhan**

- i) memindah - memindahkan  
rahasia - rahsia
- ii) menemukan - menemui  
ditepi- di tepi
- iii) menilai – bernilai  
pinggan-mangkuk - pinggan mangkuk

### **Jawapan 3(d)**

#### **Kesalahan penggunaan kata atau istilah dan tatabahasa**

- i) disiarkan - diumumkan  
stesen minyak - stesen minyak-stesen-stesen minyak
- ii) berbilang - berbilang-banyak  
mengisytiharkan - merasmikan
- iii) dibaca oleh saya - saya baca  
tempuh-tempoh

### **Jawapan 3(e)**

- (i) tulang belakang/Orang harapan/ ayam tambatan
- (ii) lipas kudung
- (iii) di mana ada kemahuan di situ ada jalan/usaha tangga kejayaan

**Soalan 4**  
**Markah penuh 15 markah**

Panduan pemarkahan bagi Soalan 4.

a) Salah satu teknik plot yang terdapat dalam novel ialah saspens.

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, jelaskan **dua teknik saspens** yang terdapat dalam novel tersebut.

- Jawapan hendaklah berdasarkan sebuah daripada novel yang dipelajari.
- Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- Berikan 1 markah untuk pernyataan teknik saspens yang lengkap/jelas.
- Berikan 1 markah untuk setiap penjelasan teknik saspens yang lengkap/jelas.
- Markah isi maksimum 4 markah.
- Markah bahasa maksimum 3 markah.
- Markah Bahasa diberi secara *impression*

Baik	:	3 markah
Sederhana	:	2 markah
Lemah	:	1 markah
- Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- Calon tidak menjawab 0 markah

**(Maksimum : 7 markah)**

b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa yang menggambarkan tema dalam kedua-dua novel tersebut.

- Jawapan hendaklah berdasarkan **dua buah novel** yang dipelajari.
- Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- Berikan 1 markah untuk satu peristiwa yang lengkap/jelas.
- 1 huraian 1 markah (maksimum 2 markah huraian).
- Markah isi maksimum 6 markah.
- Markah bahasa, maksimum 2 markah.
- Markah bahasa diberi secara *impression*.

Baik	:	2
Lemah	:	1
- Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- Calon yang tidak menjawab 0 markah.

**(Maksimum : 8 markah)**

### Jawapan Soalan 4 (a)

Satu peristiwa yang menggambarkan unsur suspens

Novel Pantai Kasih	Novel Bimasakti Menari
<p><b>Peristiwa kematian anak Doktor Raiha dalam kebakaran kereta.</b> [1m]  <i>Pembaca tertanya-tanya dan ingin tahu individu yang menjadi punca utama dalam kejadian kebakaran kereta milik Doktor Sadiz yang mengorbankan anak mereka akibat disambar api ketika kebakaran tersebut berlaku.</i> [1m]</p>	<p><b>Peristiwa pengemudi bot sukar memenuhi permintaan Nurul Hafsa yang gagal melihat kerlipan kelip-kelip secara sinkronasi agar mereka menyusur cabang sungai dan mendekati mulut anak sungai yang gelap milik individu serta menjadi kawasan larangan.</b> [1m]  <i>Pembaca tertanya-tanya tentang rahsia di sebalik mulut anak sungai yang gelap dan penuh misteri itu.</i> [1m]</p>
<p><b>Peristiwa ayah Doktor Raiha menentang perkahwinan Doktor Raiha dengan Doktor Sadiz dan meminta Doktor Raiha tidak menyesal di kemudian hari.</b> [1m]  <i>Pembaca tertanya-tanya sebab-sebab ayah Doktor Raiha tidak menyukai Doktor Sadiz.</i> [1m]</p>	<p><b>Peristiwa Muhammad Taufik bersungguh-sungguh meminta Nurul Hafsa berjanji akan meneruskan pencerapan data populasi kelip-kelip sekiranya sesuatu yang buruk terjadi kepadanya.</b> [1m]  <i>Pembaca tertanya-tanya perkara yang mungkin terjadi kepada Muhammad Taufik kerana Nurul Hafsa sendiri berasa pelik dengan sikap Muhammad Taufik pada ketika itu.</i> [1m]</p>

[Jawapan lain yang sesuai diterima]

### Jawapan Soalan 4 (b)

Novel Pantai Kasih	Novel Bimasakti Menari
<p>Tema : Ketabahan seorang wanita dalam menghadapi pelbagai cabaran dan tekanan hidup. [1m]</p>	<p>Tema : Kegigihan anak muda dalam memelihara dan memulihara alam sekitar. [1m]</p>
<p>Peristiwa :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Raiha tabah menghadapi konflik dan tekanan setelah kematian anak tunggalnya, Rahayu yang terkorban dalam suatu kebakaran kereta. Dengan semangatnya yang kuat, dan teruskan juga perjuangan dalam bidang perubatan. [2m]</li> <li>Raiha tabah menghadapi kerenah suaminya, Doktor Sadiz yang selalu bertindak kasar terhadap dirinya. Doktor Sadiz juga telah mendesak Raiha supaya menggugurkan janin dalam kandungannya setelah mengetahui bahawa janin tersebut menghadapi masalah tumbesaran. [2m]</li> </ol>	<p>Peristiwa :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Nurul Hafsa gigih berusaha untuk menjadikan kawasan Kuala Selangor sebagai Kawasan Simpan Langit Gelap untuk memastikan bintang-bintang boleh dicerap di Kuala Selangor dan kelip-kelip dapat dilihat di Kampung Kuantan. [2m]</li> <li>Muhammad Taufik pula gigih menyelamatkan kawasan kelip-kelip dan membina rumah yang mengambil pendekatan mesra alam. Beliau merupakan individu yang memagar sungai kecil di kawasan orang melihat kelip-kelip. [2m]</li> </ol>

[Jawapan lain yang sesuai diterima]